
KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Aktiviti perkhidmatan moden semakin menonjol kebelakangan ini dan keadaan ini telah diikuti oleh satu rentetan penyesuaian lain dalam ekonomi yang tidak kurang signifikannya. Bincangkan penyesuaian yang dimaksudkan.

[25 markah]
2. Huraikan alasan-alasan utama mengapa guna tenaga dalam sektor perkhidmatan telah bertambah, dan pada pendapat anda alasan manakah yang sesuai untuk menjelaskan keadaan di Malaysia?

[25 markah]
3. Peralihan dalam struktur pekerjaan ke arah perkhidmatan telah mewujudkan pola pemusatan dan tren perletakan baru yang begitu menarik. Bincangkan pernyataan ini dalam konteks peralihan yang berlaku di Kuala Lumpur dengan merujuk khusus kepada peranan teknologi komunikasi moden.

[25 markah]
4. Huraikan ciri-ciri utama output perkhidmatan, dan bincangkan sejauhmana ciri-ciri ini telah menyukarkan usaha untuk kita memahami peranan sektor perkhidmatan dalam pertumbuhan ekonomi negara.

[25 markah]

5. Bincangkan ciri-ciri utama pengeluaran perkhidmatan di peringkat antarabangsa dan apakah implikasinya kepada strategi firma perkhidmatan.

[25 markah]

6. [a] Dengan merujuk kepada perkhidmatan profesional, huraikan maksud pengantarabangsaan dalam perkhidmatan.

[10 markah]

- [b] Bincangkan kemungkinan dan potensi perkhidmatan profesional di Malaysia untuk mengantarabangsakan perkhidmatan mereka.

[15 markah]

7. Teori perdagangan antarabangsa sesuai untuk diaplikasi kepada perdagangan dalam perkhidmatan. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk khusus kepada aspek faedah mutlak dan faedah bandingan.

[25 markah]

8. Bincangkan sejauhmana sektor perkhidmatan boleh dianggap sebagai 'jentera' pertumbuhan ekonomi Malaysia menjelang tahun 2000.

[25 markah]

-- oo000oo --